

## WARTA KERAJAAN

### **PUSAT INFORMASI - WARTA KERAJAAN - P.U. (A) 545**

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996  
PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA  
(PEMERIKSAAN, PENYELIAAN, PENGAWALSELIAAN DAN KAWALAN STANDARD PENDIDIKAN)  
1997.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 45 dan 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pemeriksaan, Penyeliaan, Pengawalseliaan dan Kawalan Standard Pendidikan) 1997 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1998.

2. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

“pegawai pemeriksa” ertinya :-

(a) Ketua Pendaftar, Timbalan Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftaran dan Penolong Pendaftar; dan

(b) mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh ketua Pendaftar untuk melaksanakan apa-apa tugas berhubung dengan pemeriksaan, penyeliaan, pengawalseliaan dan kawalan standard pendidikan institusi pendidikan tinggi swasta.

3. Ketua Pendaftar hendaklah, dari masa ke semasa, menyelia, mengawalseliaan dan mengawal standard pendidikan di institusi pendidikan swasta mengikut tahap minimum yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 39 Akta.

4. (1) Seseorang pegawai pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan di bawah Akta hendaklah menggunakan rekod pemeriksaan dalam Borang A Jadual dan apa-apa dokumen pemeriksaan yang lain yang ditentukan dari masa kesemasa.

(2) Ketua Pendaftar boleh menghendaki anggota lembaga pengarah, ketua eksekutif, atau pekerja institusi pendidikan tinggi swasta itu supaya mengemukakan bagi pemeriksaan-

a. maklumat dalam Borang B Jadual; dan

b. apa-apa maklumat tambahan yang lain yang difikirkan perlu.

5. (1) Seseorang pegawai pemeriksa hendaklah menyediakan suatu laporan tentang dapatan pemeriksaan bagi tiap-tiap institusi pendidikan tinggi swasta yang diperiksanya dan mengemukakan suatu salinan laporan itu kepada institusi pendidikan tinggi swasta itu.

(2) Ketua Pendaftaran boleh, setelah menimbang syor dan cadangan pegawai pemeriksaan yang dibuat menurut suatu dapatan pemeriksaan, menghendaki sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta supaya mengambil apa-apa tindakan yang ditentukan olehnya dalam tempoh yang ditentukan olehnya.

(3) Ketua Eksekutif hendaklah, dalam masa satu minggu dari tempoh yang ditentukan di bawah subperaturan (2), mengemukakan bukti secara bertulis bahawa tindakan yang dikehendaki diambil di bawah subperaturan (2) sudah diambil.